

Projek salur air Lembah Klang jejas alam sekitar

BHA 26/11

Oleh Melati Mohd Ariff

DENGAN dibayangi ancaman krisis air, debat dan perbincangan untuk mencari 'penawar' bagi menangani impak yang mungkin menjerut kesejahteraan negara dan orang ramai, kerajaan begitu aktif menerokai isu kritikal ini dan hasilnya jelas terkandung di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Dalam RMK-9, keutamaan akan diberikan bagi pembangunan penyaluran air antara negeri dan antara lembangan bagi mengatasi masalah kekurangan air dan agihan sumber air yang tidak serata dalam negara.

Satu projek yang kini menjadi polemik terutama di kalangan aktivis alam sekitar ialah Projek Penyaluran Air Mentah Antara Negeri dari Pahang ke Selangor (Pahang-Selangor ISRWT). Pembinaan projek itu dijadual dilaksanakan dalam tempoh RMK-9 (2006-2010).

Turut tidak terlepas daripada menjadi topik perbahasan hangat ialah rancangan kerajaan untuk membina lebih banyak empangan di negara ini sebagai langkah mengatasi masalah kekurangan air.

Kedudukan bekalan air sememangnya kritikal dan ini diperakui Kerajaan Selangor. Penggunaan air di negeri itu amat tinggi berbanding negeri lain jika dilihat daripada statistik di dalam 'Malaysia, Panduan Industri Air 2005'.

Pada 2003, penggunaan air domestik bermeter di Selangor dicatat pada 478,995,217 meter padu sementara penggunaan air bukan domestik bermeter pula ialah 245,490,214 meter padu. Jumlah penggunaan air domestik dan bukan domestik bermeter di Malaysia untuk 2003 ialah masing-masing 1,609,574,693 meter padu dan 843,388,420 meter padu.

Berdasarkan butiran di dalam Laporan terperinci Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) bertajuk 'Cadangan Projek Penyaluran Air Mentah dari Pahang ke Selangor',

fasa III Skim Sungai Selangor dijangka dapat meningkatkan kapasiti bekalan kepada 4,350 juta liter sehari (MLD). Bagaimanapun, jumlah itu hanya mencukupi untuk memenuhi permintaan sehingga hujung tahun ini

Laporan sama juga memperkatakan jangkaan pertambahan penduduk Selangor dan Wilayah Persekutuan. Kadar pertumbuhan penduduk untuk kedua-duanya adalah lebih daripada empat peratus dengan unjuran angka untuk 2010 iaitu 8,080,823 orang.

Sebagai satu langkah menampung keperluan air negara pada masa depan, ada cadangan membina 47 empangan baru di samping tiga projek air antara negeri termasuk projek Pahang-Selangor ISRWT. Kos pembinaan semua empangan berkenaan, projek air antara negeri serta projek sumber air yang lain dijangka mencecah RM52 bilion.

Daripada 47 empangan yang dicadangkan, Johor dan Pahang akan mendapat jumlah terbesar iaitu masing-masing 12 diikuti Perak iaitu tujuh.

Menerusi projek Pahang-Selangor ISRWT, air dari Sungai Pahang akan disalurkan ke Selangor menggunakan paip. Terowong akan dibina menembusi Banjaran Titiwangsa bagi saluran paip itu. Menurut laporan awal, projek ini akan dilaksanakan dengan pembiayaan sepenuhnya daripada Jepun. Projek yang dicadangkan ini membabitkan tiga lembangan saliran di Pahang iaitu Kelau, Telemong dan Bentong.

Kebanyakan lokasi yang terbabit dengan projek ini adalah di sekitar daerah Bentong dan Raub di mana komponen utama projek ditempatkan dan di Hulu Langat, Selangor, lokasi untuk saluran terowong.

Dua empangan akan dibina iaitu Empangan Kelau, di Sungai Kelau dan Empangan Telemong, kira-kira satu kilometer ke selatan pekan Karak di Sungai Telemong.

Menurut nota laporan terperinci EIA: "Terowong yang dicadangkan akan memindahkan air mentah ke daerah Hulu Langat di Selangor dan akan melalui sebahagian besarnya ladang, bukit yang curam dan kawasan berhutan Banjaran Titiwangsa. Di Hulu Langat, saluran terowong dan cadangan loji rawatan air akan ditempatkan berhampiran Sungai Air Jernih, kira-kira 5km ke barat daya pekan Hulu Langat dalam kawasan Hutan Simpan Hulu Langat."

Projek gergasi ini yang dikatakan menelan kos besar melebihi RM1 bilion sudah tentu mencetuskan bukan setakat keluh-kesah tetapi kebimbangan di kalangan aktivis dan pencinta alam sekitar.

Bukan saja tanah persendirian termasuk ladang getah dan kelapa sawit yang akan diambil dan perlu dibayar ganti rugi, sebahagian daripada Hutan Simpan Lakum adalah habitat hidupan liar seperti monyet spesies dusky leaf, badak sumbu dan burung enggang hitam.

Laporan EIA juga menyatakan impak kepelbagaian biologi projek air itu ke atas beberapa spesies tumbuhan yang mempunyai nilai perubatan, untuk manusia dan hidupan liar.

"Semestinya pembangunan yang sebesar itu akan memberi impak ke atas alam sekitar. Kami memandang berat kerana habitat hutan dan gunung serta ekosistem semuanya 'fragile', mudah terancam kepada bahaya dan kesan pembangunan,' keluh Pengarah Eksekutif Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Dr Loh Chi Leong.

Beliau juga memberi peringatan kepada apa yang dikatakannya sebagai impak pemindahan antara lembangan sungai dan berpendapat, "perlu ada had. Air sungai boleh dipindahkan tetapi tidak boleh dibuat berterusan."

Satu lagi kebimbangan ialah rakyat tempatan mungkin tidak mendapat faedah langsung dari segi kemahiran teknikal dan

peluang pekerjaan daripada projek Pahang-Selangor ISRWT. Kebimbangan ini disuarakan Dekan Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Sumber Asli serta profesor kejuruteraan alam sekitar, Universiti Teknologi Malaysia, Prof Dr Zaini Ujang.

Dr Zaini berkata, berpandukan pengalaman lalu, projek yang mendapat pembiayaan penuh Jepun akan dimonopoli sepenuhnya pihak Jepun. "Akhirnya, rakyat tempatan tidak mendapat apa-apa manfaat seperti yang kita harapkan terutama dari segi peluang perniagaan dan kemahiran teknikal," katanya.

Beliau turut berpendapat pentingnya pengurusan lembangan sungai bersepadu bagi menguruskan sumber air negara ini dengan lebih berkesan.

Dr Zaini menambah dengan keadaan sekarang, ruang lingkup peranan dan kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Air Nasional (SPAN) mahu pun Water Asset Management Company tidak mempunyai kuasa sepenuhnya ke atas sumber air dalam negara ini.

SPAN, katanya hanya berkuasa ketika air berada di dalam sistem perpaipan. Bagaimanapun, bila dan di mana air itu diambil dan pengurusan kawasan tadahan tidak berada di bawah kawalan SPAN, tetapi di bawah pelbagai agensi termasuk kerajaan negeri.

Wujud terlalu banyak kerenah birokrasi, terlampau banyak jawatankuasa juga meresahkan. Sebagai contoh, kualiti air sungai di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, kualiti air minuman di bawah Kementerian Kesihatan, kualiti dari segi penempatan banjir dan pengairan di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), jelasnya.

Di samping membina empangan dan menyalurkan air antara negeri, sebenarnya ada langkah yang boleh dibuat dengan kos lebih rendah bagi menangani cabaran krisis air. - Bernama